

10 MAR 1999
Sabah-Hotel
YURAN LESEN HOTEL DI LABUAN TURUN

KOTA KINABALU, 10 Mac (Bernama) -- Yuran lesen hotel di Labuan pada tahun ini telah dikurangkan antara 73 peratus dan 84 peratus berkuatkuasa 1 Jan 1999 dalam usaha pihak berkuatkuasa membantu meringankan beban pengusaha hotel dan menggalakkan pelancongan di pulau bebas cukai itu, demikian diumumkan hari ini.

Keputusan itu telah dibuat pada mesyuarat Lembaga Pembangunan Labuan (LPL) yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, kata pengurus besar LPL Muhammad Mohd Noor dalam satu kenyataan hari ini.

Muhammad yang juga pengerusi jawatankuasa pelancongan Labuan berkata keputusan itu dibuat untuk meringankan beban kewangan pengusaha hotel di Labuan yang mengalami kemerosotan bilangan pelanggan sejak kegawatan ekonomi melanda rantau ini.

Kadar yuran hotel untuk tahun ini didasarkan kepada jumlah bilik tanpa mengambil kira kelas hotel. Bagi hotel yang mempunyai 20 bilik atau kurang, yurannya ialah RM20 sebilik setahun, 21 bilik sehingga 40 bilik RM25 sebilik setahun, 41 bilik sehingga 60 bilik RM30 sebilik setahun, 61 bilik sehingga 80 bilik RM35 sebilik setahun dan yang mempunyai 81 bilik atau lebih dikenakan yuran RM40 sebilik setahun.

Muhammad berkata dengan pengurangan fee lesen hotel ini, LPL dijangka kehilangan kutipan hasil lebih RM100,000.

"Dengan pengurangan kadar yuran ini diharap pengusaha hotel akan menumpukan perhatian kepada strategi-strategi pemasaran dan menyediakan pakej istimewa dengan harga yang menarik," katanya.

Dalam kenyataan yang sama, LPL berkata ia akan menganjurkan acara Labuan Sea Challenge '99 buat kali ketiga dari 20 hingga 30 Mei ini.

Ia merupakan pertandingan tiga acara sukan laut, iaitu Labuan Jet Sport Challenge, Underwater Treasure Hunt dan Labuan International Big Game Fishing Tournament.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan Labuan dijadikan pulau taman terindah di dunia dan telah mengarahkan pihak berkuasa di situ mempercepatkan usaha mencantikkan landskapnya.

-- BERNAMA
MK MAI